

HASiL/2024/05/08-27

## PERANAN PEGUAM TELAH DIWUJUDKAN BAGI PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (BNCKHT) MELALUI e-CKHT DI PORTAL MYTAX

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa peranan peguam telah diwujudkan selaras dengan seksyen 57A(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976 bagi membenarkan peguam untuk mengemukakan BNCKHT pembayar cukai secara elektronik melalui e-CKHT.

Permohonan untuk peranan peguam ini hanya dibenarkan kepada peguam di bawah firma guaman yang berdaftar dengan Badan Peguam. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian menerusi Portal MyTax di <u>https://mytax.hasil.gov.my/</u> atau <u>https://www.hasil.gov.my/</u>.

Prosedur permohonan peranan peguam adalah seperti yang berikut:

(a) Layari <u>https://mytax.hasil.gov.my/</u>. Log masuk ke MyTax menggunakan Nombor Pengenalan dan kata laluan. Sekiranya tiada Nombor Pengenalan Cukai (TIN), permohonan boleh dikemukakan melalui perkhidmatan e-Daftar di MyTax.



- (b) Pilih 'Profil' dan pilih menu 'Permohonan Peranan'
  - Jenis Permohonan  $\rightarrow$  Permohonan Baharu
  - Jenis Peranan → Peguam

@HASiLMalaysia

- Jenis Firma Guaman  $\rightarrow$  Milikan Tunggal atau Perkongsian
- Jika firma guaman adalah perkongsian, isikan no. TIN firma guaman
- (c) Klik 'Muat Naik' untuk memuat naik dokumen sokongan seperti yang berikut:
  - Salinan sijil pendaftaran firma guaman yang berdaftar dengan Badan Peguam
  - Salinan Sijil Tahunan dan Sijil Amalan Guaman yang sah laku bagi peguam yang berdaftar dengan Badan Peguam
- (d) Tandakan akuan peguam sebagai wakil pembayar cukai untuk mengemukakan borang secara elektronik dan klik 'Hantar' dan tandatangan. Makluman berjaya akan dipaparkan.
- (e) Emel keputusan permohonan peranan peguam akan diterima setelah peranan diluluskan / tidak diluluskan oleh HASiL ke alamat emel didaftarkan.
- (f) Semak status permohonan peranan di skrin 'Pilihan Peranan'. Senarai peranan akan dipaparkan. Pilih peranan 'Peguam'.
- (g) Pilih Perkhidmatan ezHasil > e-CKHT dan kemukakan Borang Cukai Keuntungan Harta Tanah pembayar cukai melalui e-CKHT.

@hasil malaysia

@HASil\_Malaysia

@HASiL\_Malaysia

.

@hasil\_malaysia

Maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan peranan peguam ini, pembayar cukai boleh merujuk kepada manual pengguna yang boleh dicapai melalui **Portal MyTax** <u>https://mytax.hasil.gov.my/</u> > **Panduan Pengguna** > **Manual Pengguna Permohonan Dan Penamatan Peranan Peguam / Wakil Peguam.** 

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/

## SEKIA<mark>N, TERIM</mark>A KASIH.

## ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh: Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara) Portal Rasmi : www.hasil.gov.my Tarikh: 08 Mei 2024







.

